

OPS GEMPUR BIL 8/2023 JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI MELAKA

25 Ogos 2023, MELAKA – Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka telah selesai menjalankan Ops Gempur Bil 8/2023 ke atas premis-premis yang bukan ditetapkan (PYBDT) dan premis-premis yang ditetapkan (PYDT) daripada 22 hingga 23 Ogos 2023.

Operasi bersepadu ini dianggotai seramai 20 anggota penguatkuasa dari Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dan sebanyak 14 premis telah diperiksa yang membawa kepada 14 Arahan di Lapangan, 3 Tawaran Kompaun, 1 penyediaan kertas siasatan bagi Izin Mengkompaun, dan 2 Notis Arahan telah diambil tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka di atas pelanggaran Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Orang awam diminta untuk menyalurkan aduan berkaitan kes-kes pencemaran alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727, email ke aduan_k@doe.gov.my atau ke portal aduan <https://eaduan@doe.gov.my>.

[#KementerianSumberAsliAlamSekitarDanPerubahanIklim](#)

[#JabatanAlamSekitar](#)

[#jasnegerimelaka](#)

[#AlamSekitarTanggungjawabBersama](#)